

TARIKH: 9/9/23
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia.
MUKA SURAT: 7.

UTUSAN MALAYSIA
SABTU • 9 SEPTEMBER 2023

7

n Negeri

7,500 pekerja asing untuk tiga sub sektor

PUTRAJAYA: Kerajaan membuka kuota pengambilan pekerja asing sebanyak 7,500 orang bagi memenuhi keperluan tenaga kerja tiga sub sektor perkhidmatan iaitu tukang gunting rambut, tekstil dan tukang emas.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, ia selepas diputuskan dalam mesyuarat bersama antara Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri pada 27 Jun lalu berdasarkan pengumuman Perdana Menteri berhubung pembukaan semula pengambilan pekerja asing tiga sub sektor tersebut yang dibekukan sejak 2009.

Menurut beliau, langkah ini bertujuan menghentikan kecenderungan majikan menggajikan warganegara asing tanpa dokumen pekerjaan sah sekali gus berpotensi besar berlakunya eksplorasi dan amalan buruh paksa.

"Bagaimanapun, pembukaan semula ini tidak bersifat menyeluruh dan akan berlandaskan kepada keperluan sebenar sub sektor tersebut."

"Kedua-dua kementerian ini serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memperbaiki mekanisme bersesuaian pelaksanaan proses ini memandangkan kerajaan pada masa ini menghentikan permohonan dan kelulusan kuota pekerja asing," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, mekanisme yang dibangunkan menitik beratkan perkara-perkara seperti berkaitan permohonan yang akan tertakluk kepada perincian kuota ditetapkan dengan pihak industri yang diselaraskan KPNDN selaku agensi kawal selia.

Katanya, permohonan pekerja asing akan mengikut prosedur sedia ada dari segi saringan majikan di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 dan verifikasi untuk kelulusan kuota termasuk melalui proses temuduga bersama KPNDN.